

Perkemas fungsi Lembaga Disiplin,

UM 23 JUN 2001.

KUALA LUMPUR 22 Jun - Fungsi serta peranan Lembaga Disiplin UMNO perlu diperkemas lagi bagi memastikan setiap keputusan yang diambil tidak dipersoalkan oleh ahli-ahli parti.

Wakil UMNO Terengganu, Datuk Rashid Ngah berkata, keputusan Lembaga Disiplin melucutkan jawatan enam ketua bahagian dan memberi amaran kepada sembilan lagi baru-baru ini yang didapati bersalah mengamalkan politik wang memang dihormati. Bagaimanapun, katanya, masih ada suara yang berpendapat tindakan tersebut dibuat secara tergesa-gesa sehingga menimbulkan tanda tanya di kalangan ahli parti.

"Kita percaya keputusan yang dilambat-lambatkan tidak akan membawa keadilan tetapi keputusan yang dibuat secara terburu-buru, keadilan mungkin juga dinafikan," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat

Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Ketua UMNO Bahagian Kuala Nerus itu percaya, MT mampu menyusun Lembaga Disiplin supaya peranannya menjadi lebih efektif ke arah menanganikan kemelut politik wang yang melanda parti.

Politik wang, akui Rashid, adalah gejala paling kritikal dalam parti yang perlu dihapuskan dan UMNO Terengganu sentiasa menyokong usaha pembersihan itu.

Sehubungan itu, beliau menyeru ahli UMNO yang telah didapati bersa-

lah supaya bersabar dan terus berjuang dalam parti.

"Mereka yang terbukti kesalahan memang menerima keputusan ini dengan sedih dan saya tahu ia memang sakit dan pedih. Saya setuju sahabat kita ini menerima keputusan Lembaga Disiplin yang direstui MT adalah antara ahli UMNO yang sangg-up menjadi korban untuk membersihkan UMNO," katanya.

Rashid turut mencadangkan supaya diwujudkan 'medan pertempuran' baru di Kelantan dan Terengganu untuk memastikan kedua-dua negeri itu ditawan semula oleh Barisan Nasional (BN).

Strategi

Bukan itu saja, tegas beliau, medan pertempuran itu akan dijadikan nusat strategi BN untuk memastikan negeri lain tidak dikuasai oleh Pas pada pilihan raya umum akan datang.

"Mari kita buka medan pertempuran baru, kita buat benteng yang lebih baik untuk menyelamatkan negeri lain daripada jatuh ke tangan musuh,"

katanya. Menurut Rashid, tidak perlu bagi Presiden dan timbalannya untuk turun ke medan pertempuran itu sebaliknya memada naib presiden, ketua Pemuda dan Wanita memainkan peranan mereka.

Beliau turut menggesa pemimpin parti komponen yang berkesempatan mengadakan lawatan sehari ke kedua-dua negeri mengambil peluang sepe-nuhnya untuk menawan hati rakyat.

"Masanya sudah sampai untuk kita menjawab segala tuduhan Pas, kalau Pas melemparkan tuduhan di Terengganu kita jawab di situ," katanya.

Dengan nada sedih Rashid berkongsi keperitan serta kepedihan beliau menjadi pembangkang di negeri yang kini dikuasai oleh Pas.

Beliau tidak mahu penderitaan dan keperluan itu kelak menimpa ahli UMNO yang lain semata-mata kerana kealpaan parti untuk merangka strategi baru pada pilihan raya 2004.